

Headline	Pilih produk berkualiti		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	27 Jun 2016	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	1,270,667
Page No	42	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	197 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,731
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,193



Pilih produk berkualiti

Kuala Lumpur: Dalam memilih sesebuah perabot termasuk untuk kegunaan keluarga, orang ramai dinasihatkan membeli produk berkualiti dan terjamin keselamatan penggunaannya.

Harga murah tidak seharusnya menjadi keutamaan kerana ia kemungkinan diperbuat daripada bahan tidak berkualiti, tidak kuat dan mudah rosak.

Ketua Makmal Analisis Awetan Kayu merangkap Ketua Cawangan Perlindungan Kayu Program Biokomposit dan Perlindungan Kayu, Bahagian Keluaran Hutan, Salamah Salamat

berkata, syarikat pengeluar perabot khususnya Bumiputera perlu mengambil inisiatif menghasilkan produk yang bukan saja mempunyai reka bentuk menarik, malah berkualiti.

Katanya, FRIM mengambil langkah mempertingkatkan keupayaan menjadi sebuah badan pensijilan bagi produk perabot dalam memastikan keluaran tempatan dapat memenuhi tahap kualiti dan mematuhi standard ditetapkan.

“Dalam usaha menghasilkan perabot berkualiti, akreditasi dan pensijilan ini perlu diberi keutamaan bagi

mengelakkan wujudnya penipuan.

“Hanya produk berkualiti tinggi dan memenuhi standard pembuatan perabot yang akan diberi sijil kualiti berkenaan,” katanya.

Salamah yang juga Ketua Unit Pengurusan Kualiti dan Pengurus Pensijilan Produk berkata, hampir 34 tahun bersama FRIM, pasukannya memberi perkhidmatan teknikal dalam bentuk nasihat, ujian kimia, rundingan, penyelidikan serta latihan berasaskan kayu kepada pelbagai agensi kerajaan dan swasta serta orang perseorangan.



SALAMAH (dua dari kiri) bersama tenaga kerja membuat ujian terhadap kualiti perabot.